

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TEMERLOH  
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR  
RAYUAN JENAYAH NO: CB-41S-8-09/2021

ANTARA

**MUHAMMAD FAKRURADZI BIN HUSSIN** ... PERAYU

DAN

**PENDAKWA RAYA** ... RESPONDEN

[Dalam Perkara Mahkamah Majistret Di Temerloh  
Dalam Negeri Pahang Darul Makmur  
Kes Jenayah No. CB-83D-359-03/2019

Pendakwa Raya

Lawan

Muhammad Fakruradzi bin Hussin]

**ALASAN PENGHAKIMAN**



[1] Perayu di dalam kes ini telah dipertuduhan dengan pertuduhan pindaan seperti berikut:

*“Bahawa kamu pada 18hb Mac 2019, jam lebih kurang 11.00 malam, di rumah No. 104, Lorong Bendera 2A, Taman Bukit Bendera, 28400 Mentakab, Pahang telah didapati dalam kawalan kamu 6.76 gram (berat bersih) dadah berbahaya jenis methamphetamine tanpa mempunyai kebenaran yang sah mengikut undang-undang. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama.”*

[2] Perayu tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan. Beliau telah disabitkan dengan pertuduhan tersebut serta dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dari tarikh jatuh hukum 25.08.2021 dan enam kali sebatan.

[3] Keterangan yang boleh dikutip daripada kes ini adalah Perayu telah ditangkap dan hasil daripada soal siasat oleh SP2 ditemui satu kunci (P18) dan digunakan oleh SP2 untuk membuka kotak (P20) di mana di dalam kotak tersebut dijumpai dadah P26(A-C).

[4] Hakim bicara di dalam alasan penghakiman telah menerima keterangan SP2 dan SP6 (Pegawai Penyiasat) dan mendapati bahawa keterangan menunjukkan bahawa pada malam kejadian hanya Perayu sahaja ditangkap. Pada masa yang sama SP2 semasa memberikan keterangan tidak berjaya digoncang oleh pembelaan.



[5] Mahkamah juga memutuskan bahawa P20 yang hanya boleh dijumpai telah membuktikan kawalan Tertuduh yang eksibit P18, P20 serta barang kes P21 hingga P26(A-C) yang berada di dalam P20 yang berkunci sehingga dibuka oleh SP2.

[6] Majistret juga menyatakan bahawa pengetahuan Perayu terhadap P26(A-C) boleh diandaikan di mana Perayu mesti tahu kandungan P20 yang dijumpai di bilik tidur Perayu dan SP5 kerana P18 dirampas dari dompet Perayu. Majistret membuat dapatan bahawa terdapat pemilikan eksklusif dadah tersebut dan anggapan di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 digunakan terhadap Perayu. Di akhir kes pendakwaan mahkamah Majistret mendapati bahawa terdapat kes *prima facie*.

[7] Pada peringkat pembelaan Majistret memutuskan bahawa keterangan Perayu adalah tidak munasabah, bercanggah dan adalah *bare denial*. Di samping itu di perenggan 138 alasan penghakiman di halaman 57 Rekod Rayuan Jilid 1 diputuskan bahawa kegagalan Perayu memanggil Arif, Aiman dan Dayyan menunjukkan bahawa keterangan Perayu tidak disokong.

### **Isu Di Dalam Rayuan Ini**

[8] Berdasarkan kepada hujahan pihak Perayu adalah didapati isu yang terlibat di dalam kes ini ialah:



- (a) Kegagalan SP2 memberikan kata-kata amaran kepada Perayu setelah menangkap Perayu menyebabkan segala keterangan yang diperolehi daripada Perayu adalah tidak boleh diterima oleh mahkamah.
- (b) Adakah Majistret telah membuat dapatan yang betul berkenaan dengan pemilikan eksklusif?
- (c) Adakah dapatan Majistret berkenaan dengan pembelaan Perayu adalah tepat?

[9] Kegagalan SP2 memberikan kata-kata amaran kepada Perayu setelah menangkap Perayu menyebabkan segala keterangan yang diperolehi daripada Perayu adalah tidak boleh diterima oleh mahkamah. Ini termasuk P18 yang digunakan untuk membuka P20 adalah diperolehi dari hasil siasatan soal siasat SP2 terhadap Perayu. Majistret telah bersetuju dengan hujahan tersebut yang terpancar di perenggan 72 alasan penghakiman di halaman 36 Rekod Rayuan Jilid 1. Namun mahkamah berpendapat bahawa bukan keseluruhan keterangan SP2 akan ditolak oleh mahkamah. Ia hanya terhad kepada pernyataan yang dibuat oleh Perayu kepada SP2. Peguam Perayu berhujah bahawa setelah Perayu ditahan segala keterangan yang diberikan oleh Perayu adalah tidak boleh diterima kerana tiada amaran diberikan. Adalah jelas prinsip undang-undang bahawa apabila seseorang itu ditangkap segala kenyataan yang diberikan kepada pegawai polis hendaklah diberikan amaran sebelum kenyataan tersebut boleh diterima, **PP v Kan Ho Soh [1992] 1 MLJ 360**. Malahan amaran



tersebut perlu dijelaskan untuk difahami oleh orang yang ditangkap tersebut, **Mohd Zaiham Mislan v PP [2010] 1 CLJ 1.**

[10] Adalah didapati Majistret bersetuju bahawa dengan ketiadaan amaran tersebut kenyataan yang diberikan oleh Perayu kepada SP2 tidak boleh diterima. Namun Majistret mendapati keterangan SP2 yang lain tidak wajar ditolak oleh Mahkamah. Jika kenyataan-kenyataan yang dibuat itu tidak diterima maka Mahkamah perlu meneliti keterangan-keterangan lain yang boleh mengaitkan dadah tersebut dengan Perayu bagi membuktikan bahawa Perayu memiliki dadah tersebut. Pendekatan ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes **Tan Chun Cheng v PP [2020] 1 LNS 1089** seperti berikut:

*“[33] When these statements are excluded from the body of evidence, we find that there is insufficient evidence to connect the appellants to the drugs seized from inside the car. At best the evidence of the prosecution against the 1<sup>st</sup> appellant is that he was the registered owner of the car and, that the 2<sup>nd</sup> appellant was a transient passenger. And that they were both in the car in which the drugs were found. In the circumstance, there is no evidence of common intention to traffic in the drugs by joint possession of the same. As possession of the drugs had not been positively proved, we find that the learned trial judge had misdirected herself in calling for the appellants to enter their defence and convicting them on a charge of trafficking.”*



[11] Ini bermakna keterangan yang ada adalah keterangan SP2 dan SP6 yang menyatakan bahawa P18 telah diperolehi dari dompet milik Perayu yang membolehkan P20 dibuka oleh SP2. Majistret telah memutuskan bahawa keterangan SP2 dan SP6 boleh diterima. Ini bersandarkan kepada kes **PP v Mohd Ali [1962] 28 MLJ 257**. Majistret berpendapat keterangan SP2 dan SP6 adalah bukan sesuatu yang mustahil iaitu P18 diperolehi daripada Perayu. Selain daripada keterangan SP2 dan SP6 penemuan P18 daripada Perayu dan bagaimanakah SP2 boleh menggunakan P18 untuk membuka P20 tidak dapat disokong oleh mana-mana saksi lain.

[12] Persoalannya ialah adakah penemuan P18 dan tindakan membuka P20 adalah ekoran daripada pernyataan Perayu kepada SP2 atau sebaliknya. Tiada keterangan sokongan dari saksi-saksi yang lain, jika ia adalah daripada pernyataan Perayu maka pernyataan tersebut tidak sewajarnya diterima oleh mahkamah kerana ia bertentangan.

[13] Apa yang jelas ia tiada keterangan yang lain dapat menunjukkan bagaimana SP2 boleh mengemukakan P18 untuk membuka P20. Pada masa yang sama mahkamah perlu mengambil perhatian bahawa semasa tangkapan dilakukan menurut keterangan SP2 dan SP6 hanya Perayu sahaja yang berada di rumah tersebut. Jika benar kunci P18 tersebut diambil daripada Perayu, tiada penjelasan yang diberikan oleh pembelaan bahawa berkemungkinan kunci tersebut dimiliki ataupun dipunyai oleh pihak ketiga. Apa yang jelas dalam keterangan ialah P18 tersebut diperolehi daripada Perayu sehingga membolehkan dadah-dadah tersebut dijumpai di dalam P20.



[14] Namun seperti yang dikatakan di atas kedudukan maklumat berkenaan dengan terjumpanya P18 dan dibuka P20 adalah berkaitan dengan siasatan yang dilakukan oleh SP2 dan tiada keterangan menunjukkan bahawa pengakuan dibuat oleh Perayu bahawa P18 itu adalah dimiliki oleh beliau. Ini disokong semasa beliau memberikan keterangan di dalam pembelaan.

### **Pemilikan Eksklusif**

[15] Isu seterusnya ialah berkenaan dengan pemilikan eksklusif (*exclusive possession*). Peguam Perayu berhujah bahawa pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan pemilikan eksklusif. Sebaliknya Timbalan Pendakwa Raya menyatakan bahawa bagi kes ini tidak perlu dibuktikan pemilikan eksklusif, ini adalah disebabkan apa yang perlu dibuktikan hanyalah milikan. Bagi menjawab persoalan ini mahkamah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes **PP v Denish Madhavan [2009] 2 CLJ 209** seperti berikut:

*"[16] Before proceeding to consider the reasons for the Court of Appeal's decision, we will say a few words about "exclusive" possession. It is inappropriate to speak of possession of an article in criminal law as exclusive possession. One is either in possession or not in possession, although one could be in possession jointly with another or others. To say that the prosecution of a drug case fails because there has been no proof of exclusive possession is apt to convey the wrong impression that it is only in cases where possession is entirely with one*



*person, - that is, "exclusive" - that a conviction is possible. When the learned trial judge said "The accused sought to negative the proof of exclusive possession...", we take it that he meant no more than that the respondent sought to show that he was not in possession of the drugs because he had no knowledge of their existence and that the drugs could have been placed in his bags by some other person or persons.*

**[17]** *The idea of exclusivity features in the meaning of "possession" in criminal law as one of the elements necessary to constitute possession. As Taylor J said in Leow Nghee Lim v. Reg. [1955] 1 LNS 53:*

*... It is often said that 'possession must be exclusive'. This is ambiguous. Possession need not be exclusive to the accused. Two or more persons may be in joint possession of chattels, whether innocent or contraband. The exclusive element of possession means that the possessor or possessors have the power to exclude other persons from enjoyment of the property. Custody likewise may be sole or joint and it has the same element of excluding others. The main distinction between custody and possession is that a custodian has not the power of disposal. The statement that 'possession must be exclusive' is often due to confusion of the fact to be proved with the evidence by which it is to be proved. It is essential to keep this distinction clearly in mind, especially when applying presumptions.*

**[18]** *Thomson J, in Chan Pean Leon v. Public Prosecutor [1956] 1 LNS 17, said that "possession" for the purposes of criminal law involves possession itself - which some authorities term*



*"custody" or "control" - and knowledge of the nature of the thing possessed. As to possession itself he cited the following definition in Stephen's Digest (9th edn, p. 304), in which the exclusive element mentioned by Taylor J appears:*

*A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.*

**[19]** Once the elements needed to constitute possession are established, including the element of exclusive power to deal, then what is established is possession, not exclusive possession.

*So much for exclusive possession."*

Mahkamah mendapati keputusan Majistret memutuskan bahawa pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* tidak wajar diganggu oleh Mahkamah ini.

[16] Berdasarkan keterangan semasa pembelaan adalah jelas menunjukkan bahawa Perayu ingin menimbulkan keterangan bahawa terdapat orang lain yang pergi ke rumah tersebut. Ini pula disokong oleh keterangan SP6 yang mengesahkan bahawa terdapat beberapa motosikal di rumah tersebut semasa serbuan dilakukan. Keterangan dan hujahan sedemikian adalah bertujuan untuk menyatakan bahawa berkemungkinan terdapat orang lain dalam rumah tersebut sehingga tidak boleh pihak pendakwaan untuk menangkis dakwaan bahawa tidak dapat dibuktikan dadah tersebut mempunyai kaitan langsung dengan



pemilikan oleh Tertuduh disebabkan ada pihak lain di rumah tersebut. Adalah didapati bahawa Majistret telah menolak hujahan sedemikian.

**Adakah dapatan Majistret berkenaan dengan pembelaan Perayu adalah tepat?**

[17] Akhirnya isu yang timbul ialah adakah mahkamah bicara telah membuat penilaian yang betul di dalam menimbangkan kes pendakwaan dan pembelaan. Ia terutamanya kepada pembelaan yang dikemukakan. Ini adalah disebabkan di perenggan 89 alasan penghakiman iaitu di muka surat 43 Rekod Rayuan Jilid 1 telah dinyatakan seperti berikut:

*[89] Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa pengetahuan Tertuduh terhadap P26(A-C) boleh diandaikan di mana Tertuduh mesti tahu kandungan P20 yang dijumpai di dalam bilik tidur Tertuduh dan SP5 kerana P18 adalah dirampas daripada Tertuduh di dalam bahagian berzip dompet (P16).*

[18] Sementara itu semasa menilai kes pembelaan di muka surat 138 Majistret telah berpendapat bahawa kegagalan memanggil saksi-saksi iaitu Arif, Aiman dan Dayyan telah menyebabkan keterangan pembelaan oleh Perayu tidak disokong. Ini seolah-olah meletakkan beban pembuktian berkenaan ketidakbersalahan Perayu di bawah tanggungjawab Perayu. Ini adalah sesuatu yang serius yang perlu



diberikan perhitanan berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Rosli bin Yusof v PP [2021] 4 MLJ 479**.

*[45] It is trite law that it is not the duty of the appellant to prove his innocence or to call a particular witness to support his defence (see Tan Foo Su v Public Prosecutor [1967] 2 MLJ 19; Sandra Margaret Birch v Public Prosecutor [1978] 1 MLJ 72). The law places upon the prosecution the burden to prove guilt of the appellant beyond reasonable doubt and not on the appellant to prove his innocence. Well-entrenched in jurisprudence is the rule that the conviction of the appellant must rest not on the weakness of the defence but on the strength of the prosecution. This principle is the corner stone of our criminal law.”*

[19] Persoalannya, adakah setelah menganalisa keterangan-keterangan dan alasan penghakiman Majistret adakah selamat sabitan ini. Mahkamah berpendapat pandangan Majistret yang menyatakan kegagalan pembelaan memanggil saksi-saksi bagi menyokong kes pembelaan telah meletakkan beban yang tidak tepat kepada Perayu untuk membuktikan ketidakbersalahannya. Ia adalah sesuatu yang tidak sejajar dengan prinsip undang-undang jenayah. Walaupun tiada sebarang penggunaan seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap Perayu, Mahkamah berpendapat dapatan Majistret telah diliputi kecaburan dengan menimbulkan isu kegagalan pembelaan mengemukakan saksi-saksi mereka.



[20] Mahkamah ini berpendapat di dalam sesuatu perbicaraan jenayah Mahkamah bicara perlu berhati-hati dalam meneliti pembelaan Tertuduh yang hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah. Mahkamah tidak sewajarnya menyatakan kegagalan pengemukaan saksi sebagai penyebab pembelaan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah.

[21] Mahkamah bicara perlu memberikan perhatian bahawa di dalam perbicaraan jenayah ia melibatkan kebebasan individu yang boleh dihukum dengan pemenjaraan. Oleh itu sebarang dapanan hakim bicara yang bercanggah dengan prinsip perbicaraan jenayah dan undang-undang jenayah tidak boleh dipertahankan.

[22] Di dalam kes ini Mahkamah berpendapat dapanan Majistret adalah tidak selamat. Oleh itu rayuan Perayu dibenarkan. Sabitan dan hukuman Majistret diketepikan.

Bertarikh: 24hb. Mei 2022



(ROSLAN MAT NOR)  
PESURUHJAYA KEHAKIMAN  
MAHKAMAH TINGGI MALAYA  
TEMERLOH, PAHANG



## **PIHAK-PIHAK:**

### Bagi Pihak Perayu

Ahmad Nizam Hamid bersama Mohd Falihin Kamil Mohamed Sazali  
Tetuan Sazali Lim  
Temerloh, Pahang Darul Makmur

### Bagi Pihak Responden

Nasrul Hadi Abdul Ghani  
Timbalan Pendakwa Raya  
Temerloh, Pahang Darul Makmur

